

Pengampunan Datuk Harun Keputusan Lembaga masih dirahsia

Oleh RUHANIE HAJI AHMAD

KUALA LUMPUR, Rabu — Keputusan Lembaga Pengampunan mengenai Datuk Haji Harun Idris masih lagi dirahsiakan oleh pihak berkuasa.

Namun demikian, para penyokongnya yang ditemui di Hospital Besar di sini hari ini membayangkan besar kemungkinan bekas Menteri Besar Selangor itu diampunkan.

Tanda tanya besar yang menyelubungi setiap pihak yang berkenaan ialah, sama ada pengampunan itu sepenuhnya atau bersyarat.

Datuk Harun sendiri difahamkan belum mengetahui kedudukan sebenarnya. Beliau dilaporkan sebagai ternanti-nanti akan keputusan yang muktamad.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dikatakan mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pagi tadi. Tetapi tidak dapat dipastikan sama ada mengenai keputusan Lembaga Pengampunan yang bersidang malam tadi.

Sumber-sumber juga memberitahu Berita Harian, perkara pengampunan Datuk Harun atau pun keputusan Lembaga Pengampunan itu tidak langsung ditimbulkan di mesyuarat Kabinet kedua hari ini.

Pihak Penjara Pudu di sini juga tidak dapat memastikan bilakah Datuk Harun akan dibebaskan. Bagaimanapun, beberapa pegawainya meramalkan pembebasan itu hanya menunggu masa sahaja.

Sementara itu, Datuk Harun mungkin dinasihatkan oleh pakar perubatan untuk meneruskan rawatannya di Hospital Besar di sini, walaupun beliau dibebaskan oleh pihak berkuasa.

Bagaimanapun, beliau dijangka diberi kelepasan beberapa hari untuk berhari raya bersama keluarga, sanak saudara serta sahabat handainya.

Demikian menurut sumber-sumber tertinggi Hospital Besar di sini, ketika mengulas kemungkinan Datuk Harun dibebaskan sebelum Hari Raya ini.

Beliau yang hanya berkain pelikat dan memakai t-shirt masih berada di kamar 11 wad 7, tingkat dua Rumah Sakit Besar sejak beberapa bulan lalu akibat sakit sengal-sengal dalam tulang, hari ini tidak putus-putus mencrima kunjungan keluarga, rakan, penyokong serta seorang Timbalan Menteri.

Kira-kira jam 11 pagi, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Pathmanaban mengunjungi beliau di kamarnya. Hari ini merupakan hari pertama Datuk Pathmanaban di Kementerian barunya.

Terdahulu dari itu kelihatan seorang jururawat kanan masuk ke biliknya membawa bungkusan kulh Hari Raya dari pihak polis. Beberapa jam sebelum itu juga, seorang jururawat kelihatan membawa beberapa keping kad Hari Raya kepadanya.

Menurut beberapa pelawat yang mengunjunginya, Datuk Harun menghabiskan masanya di sebelah pagi menjawab kad-kad Hari Raya kepada mereka yang masih ingat kepadanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia